

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 17.11.2014

SOALAN :

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) jumlah pelajar yang diterima masuk ke IPTA mengikut pecahan kaum dan jantina berdasarkan program yang ditawarkan; dan
- (b) sebab-sebab terdapat pelajar-pelajar 4.0 yang memohon bidang perubatan tidak dipanggil temu duga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada sesi akademik 2014/2015, terdapat seramai 42,795 calon lepasan STPM/Setaraf yang telah ditawarkan ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Jumlah tersebut terdiri daripada 13,020 calon lelaki dan 29,775 calon perempuan yang ditawarkan mengikuti pengajian dalam bidang perubatan, pergigian, farmasi, ekonomi/perakaunan, bahasa, kejuruteraan, komputer, pendidikan, pengurusan, sains, sains gunaan, sains kesihatan bersekutu, sains sosial, seni bina, teknologi, undang-undang dan pendidikan Islam.

- (b) Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan calon yang memperoleh Purata Nilai Gred Terkumpul 4.00 tidak dipanggil menghadiri sesi temuduga, antaranya tidak memenuhi Syarat Am Universiti dan Syarat Khas seperti tidak melepasi syarat *Malaysian University English Test* (MUET); dan juga syarat kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat B bagi mata pelajaran Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi. Selain itu, terdapat calon yang tidak mencapai tahap merit yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 30

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dasar penerbangan di negara kita. Apakah isu yang pokok untuk menghadapi cabaran moden.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedang meneliti dan mengkaji cadangan untuk merangka Dasar Penerbangan Negara serta penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
[LUMUT]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 31

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa kawasan pencarian MH370 masih diteruskan di Selatan Lautan Hindi dan terbukti tiada tanda-tanda penemuan dan mengapa tidak mencarinya di Lautan China Selatan yang diyakini pesawat itu jatuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan meneruskan operasi pencarian MH370 di Selatan Lautan Hindi berdasarkan nasihat serta laporan teknikal yang diberikan oleh Pasukan Pakar Satelit yang dianggotai oleh pakar-pakar daripada Air Accident Investigation Branch (AAIB), United Kingdom, National Transportation Safety Board (NTSB) United States, Australian Transportation Safety Bureau (ATSB), Boeing, Australia's Defence Science and Technology Organisation, Thales, Inmarsat dan Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia. Pasukan pakar telah menganalisis semua data dan telah memaklumkan bahawa hasil analisa tersebut, kawasan pencarian MH370 adalah di Selatan Lautan Hindi.